

22 OCT 1996

Nazri-Harta

NAZRI ISYTIHAR HARTA KEPADA GUAN ENG

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz hari ini mengisytiharkan harta dan pendapatannya kepada Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) sebagai memenuhi janji yang dibuatnya di Dewan Rakyat minggu lepas.

Mohamed Nazri berkata, pengisytiharan yang dibuatnya kepada Lim itu tidak seharusnya dilihat sebagai ikutan bagi anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) yang lain dan anggota pentadbiran kerajaan.

"Saya hanya membuat ini untuk membuktikan bukan semua anggota Parlimen BN dan anggota pentadbiran kerajaan hidup lebih mewah selepas menjadi wakil rakyat BN atau memegang jawatan dalam kerajaan seperti yang didakwa oleh pembangkang," katanya kepada pemberita selepas membuat pengisytiharan itu secara peribadi kepada Lim di Bangunan Parlimen, di sini.

Pada 17 Okt lepas, Lim ketika membahaskan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996 telah mencabar anggota-anggota Parlimen BN dan anggota pentadbiran kerajaan supaya mengisytiharkan pendapatan dan harta mereka kepada umum bagi membuktikan ketelusan BN.

Cabaran itu telah disahut oleh Mohamed Nazri yang berjanji untuk membuat pengisytiharan pendapatan dan hartanya hanya kepada Lim dan bukan kepada umum hari ini.

Mohamed Nazri berkata, Lim patut sedar bahawa sebelum kebanyakan anggota Parlimen dan anggota pentadbiran kerajaan memegang jawatan masing-masing, kehidupan mereka lebih mewah terutama yang berkecimpung dalam bidang perniagaan.

"Sebelum saya menjadi Timbalan Menteri, pendapatan saya tidak perlu dikongsi dengan orang lain tetapi sekarang saya perlu mengorbankan masa dan wang ringgit untuk rakyat," katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, dakwaan Lim kononnya semua anggota Parlimen BN dan anggota pentadbiran kerajaan hidup lebih mewah selepas memegang jawatan itu adalah tidak benar.

Lim pula berkata, walaupun Mohamed Nazri sudahpun memenuhi janjinya, beliau berpendapat adalah lebih wajar Timbalan Menteri itu membuat pengisytiharan kepada umum.

"Saya masih berpendapat bahawa pengisytiharan pendapatan dan harta kepada saya tidak mencukupi kerana hanya saya yang mengetahuinya sedangkan rakyat juga ingin tahu," katanya.

Lim berkata, Mohamed Nazri telah menunjukkan kepadanya pendapatan dan harta beliau sebelum dan selepas menjadi Timbalan Menteri seperti yang diisytiharkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya akui memang pendapatan Yang Berhormat Datuk Mohamed Nazri sebelum menjadi Timbalan Menteri lebih lumayan daripada sekarang tetapi daripada segi hartanya saya tidak dapat membuat pengesahan," katanya.

Katanya, Mohamed Nazri meminta pengisytiharan itu dirahsiakan daripada pengetahuan umum atas sebab-sebab keselamatan.

Lim berharap anggota-anggota pentadbiran kerajaan yang lain terutama menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan anggota exco-exco kerajaan negeri mengisytiharkan harta dan pendapatan mereka kepada umum.

Katanya, anggota DAP sendiri bersedia berbuat demikian tetapi sudah tentu rakyat tidak berminat untuk mengetahui harta dan pendapatan wakil pembangkang kerana mereka tidak mempunyai kedudukan yang boleh disalahgunakan untuk mengaut kekayaan. -- BERNAMA

AH NMO

